

Perdana Menteri tidak jemu melayan rakyat

BH 5 APR 1986

KUALA TERENGGANU, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meluangkan masa lebih setengah jam untuk bersalaman dengan orang ramai yang bersembahyang Jumaat di Masjid Raja, Bukit Besar dekat sini hari ini.

Walaupun letih setelah merasmi dan melawat sekitar Pelabuhan Perikanan Cendering, beliau tersenyum sahaja ketika melayan dan menghulurkan tangan untuk bersalaman dengan orang ramai.

Turut sembahyang bersama Perdana Menteri ialah Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mokhtar Ahmad; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Yusoff Noor; Ahli Parlimen Kawasan Bandar Kuala Terengganu, Datuk Haji Manan Osman; Ahli Exco Negeri, Datuk Haji Abu Bakar Daud dan Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.

Sebaik sahaja selesai sembahyang Jumaat di masjid itu, orang ramai termasuk kanak-kanak tidak putus-putus

bersalaman dengan Perdana Menteri hingga ke pintu kereta.

Datuk Seri Dr Mahathir tidak menghampakan rakyat kerana bilangan yang datang bersalaman dengannya lebih 500 orang, termasuk kanak-kanak.

Berpanas

Perdana Menteri ada beberapa tugas penting hari ini termasuk mengadap Sultan Terengganu di Istana Badariah serta menghadiri jamuan tengah hari di istana itu dan berjumpa dengan pemimpin politik tempatan di Stadium Negeri petang ini.

Datuk Seri Dr Mahathir tersenyum melihat orang ramai bersalaman dengannya walaupun terpaksa berpanas di luar bangunan Masjid Raja itu.

Masjid Raja dibina 66 tahun lalu oleh Sultan Terengganu ke-12 iaitu Almarhum Sultan Mohamad Sultan Zainal Abidin.

Timbalan Mufti Terengganu, Engku Alwee Engku Haji Ambak membaca khutbah Jumaat dan menjadi imam hari ini.